

# ANALISIS PERBANDINGAN JENIS KECEDERAAN BAGI JENAYAH MENYEBABKAN KECEDERAAN DI BAWAH PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013 DAN KANUN HUKUMAN JENAYAH, PENGGAL 22<sup>1</sup>

## *COMPARATIVE ANALYSIS OF TYPES OF HURT FOR CAUSING HURT OFFENCES UNDER THE SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013 AND PENAL CODE, CHAPTER 22*

Nur Shazana Haji Kahar <sup>1</sup>  
Dr. Hajah Nurzakiah Haji Ramlee <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei.  
(Email: shazana.kahar@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei.  
(Email: nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn)

### Article history

Received date : 13-2-2024

Revised date : 14-2-2024

Accepted date : 4-7-2024

Published date : 10-7-2024

### To cite this document:

Kahar, N. S. & Ramlee, N. (2024). Analisis perbandingan jenis kecederaan bagi jenayah menyebabkan kecederaan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 516 – 531.

**Abstrak:** Negara Brunei Darussalam mengamalkan sistem dualisme perundangan, iaitu sivil dan syariah yang berjalan seiring. Jenayah menyebabkan kecederaan merupakan salah satu kesalahan yang diperuntukkan di dalam dua undang-undang, iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS, 2013) dan Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 (KHJ, P.22). Kertas kajian ini difokuskan untuk mengenalpasti dan menganalisis persamaan serta perbezaan dari sudut jenis kecederaan di dalam peruntukan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22. Berdasarkan analisis kandungan peruntukan, ditemukan bahawa meskipun PKHJS, 2013 tidak mengkategorikan kecederaan sebagai cedera dan cedera parah sebagaimana KHJ, P.22, empat jenis kecederaan yang disenaraikan di dalam PKHJS, 2013 boleh dianggap sebagai cedera parah dan satu jenis kecederaan pula sebanding dengan cedera. Selain itu, jenis kecederaan di bawah PKHJS, 2013 mempunyai kaitan dengan hukuman yang diperuntukkan, berbeza dengan KHJ, P.22 yang memperuntukkan hukuman mengikut kategori kecederaan dan cara kecederaan diakibatkan. Hasil kertas kajian ini mendapati bahawa meskipun jenis-jenis kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22 mempunyai persamaan, hukuman yang ditetapkan bagi setiap jenis kecederaan adalah berbeza.

<sup>1</sup> Adaptasi daripada kertas kerja yang dibentangkan secara atas talian di International Conference on Syariah and Law (ICONSYAL) 2023, anjuran Universiti Islam Selangor, Malaysia pada 15 November 2023.

**Kata Kunci:** Jenayah Menyebabkan kecederaan, PKHJS, 2013, KHJ, P.22, Brunei.

**Abstract:** Brunei Darussalam practices a dual legal system, i.e. civil and shariah that runs concurrently. Causing hurt is one of the offences prescribed in two laws, namely the Syariah Penal Code Order 2013 (SPCO, 2013) and the Penal Code, Chapter 22 (PC, Ch.22). This research paper focuses on identifying and analyzing the similarities as well as differences regarding the types of hurt laid down in the provisions of causing hurt offences under both SPCO, 2013 and PC, Ch.22. Based on the content analysis of the provisions, it was revealed that even though the SPCO, 2013 does not classify hurt as simple hurt and grievous hurt as stated under the PC, Ch.22, four types of hurt enumerated under the SPCO, 2013 can be considered as grievous hurt whilst one type is comparable to simple hurt. Furthermore, the types of hurt under the SPCO, 2013 is correlated to the punishment provided, whereas the PC, Ch.22 stipulates the punishments according to the category and the way hurt was inflicted. The result of this research paper discloses that while the types of hurt under both the SPCO, 2013 and PC, Ch.22 have similarities, the punishment set for each type of hurt is distinct.

**Keywords:** Causing hurt offence, SPCO, 2013, PC, Ch.22, Brunei.

## Pengenalan

Negara Brunei Darussalam mengamalkan sistem perundangan dualisme iaitu sivil dan syariah yang berjalan seiring. Pelaksanaan undang-undang Islam di Negara ini sejak sekian lama jelas terbukti dengan wujudnya Hukum Kanun Brunei yang berasaskan Hukum Syara' (Mahmud Saedon, 1996), yang mengandungi hukuman bagi kesalahan curi, bunuh, zina, mencederakan dan lainnya (Asri Puteh, 2003). Walau bagaimanapun, setelah Kerajaan Inggeris bertapak di Brunei, pemakaian undang-undang Islam telah dihadkan kepada undang-undang diri bagi orang Islam sahaja dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan di beberapa negeri jajahan Inggeris telah diperkenalkan di Negara ini (Mahmud Saedon, 1996). Sistem Residen British ini telah membentuk sistem perundangan Brunei yang berasaskan kepada sistem perundangan Inggeris (Azrimah Rahman, 2013).

Penguatkuasaan penuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013) pada 03 April 2019 telah memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman *hadd* dan *qisas*, termasuk kesalahan menyebabkan kecederaan. Dengan perkembangan perundangan ini, jenayah menyebabkan kecederaan merupakan salah satu kesalahan yang diperuntukkan di dalam dua undang-undang iaitu undang-undang syariah, PKHJS, 2013 dan undang-undang awam, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 (KHJ, P.22).

Jenayah terhadap tubuh badan diertikan sebagai suatu perbuatan melampau yang dilakukan ke atas tubuh orang lain, sama ada melalui pemotongan anggota tubuh badan, melukakan atau memukul, tanpa menyebabkan kematian mangsa (Wahbah al-Zuhaili, 2005). Kecederaan ini boleh berlaku akibat daripada pelbagai perbuatan ataupun tindakan seperti memukul, menolak, melukakan, menarik, memicit, menekan, mencabut bulu atau mengguntingnya dan sebagainya ('Abd al-Qadir 'Audah, 2005). Tindakan atau perbuatan mencederakan sedemikian menghasilkan pelbagai bentuk jenis kecederaan.

Secara amalannya, kes-kes menyebabkan kecederaan menuntut pemeriksaan terperinci daripada pegawai perubatan yang akan merekodkan sifat, lokasi, saiz, warna dan tempoh

kecederaan (Gupta M, Kumar S, Yadav A, Kumath M & Kishore U, 2017). Selain itu, pendapat pegawai perubatan mengenai kategori kecederaan sama ada cedera biasa atau cedera parah, jenis senjata yang berkemungkinan digunakan serta pendapat mengenai kecederaan yang dialami itu dilakukan oleh orang lain atau oleh mangsa sendiri juga perlu dinyatakan di dalam laporan perubatan (Barek A & Haque SMT, 2013). Justeru itu, pegawai perubatan perlu memiliki pengetahuan undang-undang bagi memahami konteks kecederaan meskipun pendapatnya yang berhubung sifat kecederaan adalah berdasarkan fakta saintifik (Masum A, Ahmad MH& Nafees SMM, 2021).

Merujuk jenayah berkaitan tubuh badan di Pakistan, peruntukan yang dikenakan hukuman *qisas* dan *diyat* telah dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan Pakistan 1860 (Shah MM, Rahman K, Naveed S & Ghafoor HA, 2023). Kedudukan ini berbeza dengan jenayah menyebabkan kecederaan di Negara Brunei Darussalam yang diperuntukkan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22. Kewujudan dua undang-undang tersebut yang berkuatkuasa secara seiring telah menerbitkan persoalan berhubung perbandingan dari beberapa aspek, antaranya tafsiran jenayah menyebabkan kecederaan, jenis kecederaan, elemen kesalahan, pembuktian dan hukuman yang diperuntukkan.

Oleh yang demikian, perbincangan di dalam kertas kajian ini akan memfokuskan tiga tujuan utama iaitu mengenalpasti peruntukan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22 dari sudut jenis kecederaan, menghuraikan persamaan jenis kecederaan yang diperuntukkan dan mengupas perbezaan di antara kedua-dua peruntukan ini.

### **Metodologi Kajian**

Di dalam kertas kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan peruntukan undang-undang, buku undang-undang, kitab *fiqh*, artikel dan kes undang-undang.

**Peruntukan Jenayah Menyebabkan Kecederaan Di Bawah PKHJS, 2013 Dan KHJ, P.22**  
PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22 merupakan antara undang-undang bertulis berkaitan dengan kesalahan jenayah di Negara Brunei Darussalam, masing-masing di bawah sistem keadilan jenayah awam dan syariah.

### **PKHJS, 2013**

Di dalam PKHJS, 2013, jenayah menyebabkan kecederaan diperuntukkan sebagai kesalahan-kesalahan di Bahagian IV, Penggal II di bawah tajuk *Qatl* dan Kecederaan, bermula bab 167 sehingga 183, yakni sebanyak 17 peruntukan yang berkaitan. Kandungan peruntukan bab-bab berkenaan boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Menyebabkan kecederaan: bab 167, 168, 169 dan 170.
- ii. Peruntukan berkaitan hukuman *qisas*: bab 171, 172, 173, 174 dan 175.
- iii. Peruntukan berkaitan hukuman *arsy*: bab 176, 177, 178 dan 181.
- iv. Menyebabkan kecederaan akibat perbuatan silap, gopoh atau cuai: bab 179 dan 180.
- v. Percubaan menyebabkan kecederaan dan subahat: bab 182 dan 183.

### **KHJ, P.22**

Jenayah menyebabkan kecederaan diperuntukkan sebagai kesalahan yang menyentuh tubuh manusia di Penggal XVI bermula daripada seksyen 319 sehingga 338, iaitu sebanyak 20 puluh seksyen yang berkaitan.

Seksyen 319 dan 320 menghuraikan tafsiran cedera dan cedera parah. Seksyen 321 hingga 338 seterusnya menyenaraikan peruntukan-peruntukan berkaitan cedera dan cedera parah mengikut pelbagai keadaan kesalahan itu dilakukan. Peruntukan-peruntukan ini boleh dikategorikan mengikut tajuk-tajuk berikut (Koh, Clarkson & Morgan, 1989; Siti Zaharah Jamaluddin & Nor Aini Abdullah, 2022; Ratanlal & Dhirajlal, 2018):

- i. Cedera dan kesalahan cedera yang spesifik: seksyen 319, 321, 323, 324, 327, 328, 330 dan 332.
- ii. Cedera parah dan kesalahan cedera parah yang spesifik: seksyen 320, 322, 325, 326, 329, 331 dan 333.
- iii. Menyebabkan cedera dan cedera parah atas bangkitan marah: seksyen 334 dan 335.
- iv. Perbuatan cuai atau gopoh yang menyebabkan cedera atau cedera parah: seksyen 336, 337 dan 338.

### **Maksud Jenayah Menyebabkan Kecederaan Di Dalam PKHJS, 2013**

Jenayah menyebabkan kecederaan menurut bab 167 PKHJS, 2013 ialah perbuatan seseorang yang menyebabkan kecederaan ke atas orang lain, yang tidak mengakibatkan kematian mangsa. Ini jelas menunjukkan sekiranya mangsa meninggal dunia akibat kecederaan yang diakibatkan, maka perbuatan ini tidak dianggap sebagai jenayah menyebabkan kecederaan di bawah bab 167 PKHJS, 2013, akan tetapi ianya menjadi kesalahan *qatl* (bunuh), sama ada *qatlul-'amd*, *qatlul-syibhil-'amd* dan *qatlul-khata'*.

### **Maksud Jenayah Menyebabkan Kecederaan Di Dalam KHJ, P.22**

Di dalam KHJ, P.22 pula, perbuatan sengaja menyebabkan cedera adalah perbuatan yang dilakukan ke atas orang lain dengan niat atau dengan pengetahuan bahawa perbuatannya itu menyebabkan cedera atau cedera parah. Jika diperhatikan, seksyen 321 mahupun 322 KHJ, P.22 tidak menyebutkan sama ada perbuatan menyebabkan cedera atau cedera parah tersebut tidak mengakibatkan kematian orang yang dicederakan atau sebaliknya.

### **Analisis Perbandingan Maksud Jenayah Menyebabkan Kecederaan Di Dalam PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22**

Berdasarkan kandungan peruntukan berkaitan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah kedua-dua undang-undang ini, ditemukan bahawa peruntukan kesalahan menyebabkan kecederaan di dalam PKHJS, 2013 bersifat umum, dengan hanya menyatakan “*mana-mana orang yang menyebabkan kecederaan kepada seseorang*”.

Bab 169(1) mahupun (2) di dalam PKHJS, 2013 tidak menyatakan sama ada kecederaan itu disebabkan dengan menggunakan alat ataupun senjata, bahan panas, racun, bahan hakis, bahan letupan, bahkan haiwan sekalipun. Tujuan, alasan atau sebab kecederaan itu dilakukan juga tidak dikira sebagai elemen di dalam jenayah menyebabkan kecederaan di dalam PKHJS, 2013.

Sebagai perbandingan, selain memperuntukkan kesalahan menyebabkan cedera atau cedera parah secara umum di bawah seksyen 321 dan 322, KHJ, P.22 turut memperuntukkan kesalahan menyebabkan cedera yang melibatkan penggunaan senjata atau cara berbahaya seperti bahan letupan, bahan panas dan sebagainya atau penggunaan racun. Begitu juga kecederaan yang dilakukan atas tujuan tertentu misalnya cedera yang dilakukan bagi tujuan memeras harta atau menghalang kakitangan kerajaan menjalankan tugasannya, atau atas sebab tertentu seperti bangkitan marah, juga merupakan kesalahan di bawah KHJ, P.22.

Selain itu, peruntukan subahat dan percubaan menyebabkan kecederaan di dalam PKHJS, 2013 diletakkan di bawah Penggal yang sama di dalam peruntukan-peruntukan berkaitan jenayah menyebabkan kecederaan. Ini bermaksud bahawa subahat atau percubaan menyebabkan kecederaan di dalam PKHJS, 2013 adalah kesalahan subahat atau percubaan yang spesifik, iaitu diperuntukkan secara khusus di bawah bab 182 dan 183.

Berbeza dengan peruntukan jenayah menyebabkan cedera di bawah KHJ, P.22, subahat atau percubaan bagi jenayah ini adalah dengan menggunakan peruntukan umum, iaitu di bawah seksyen 107 bagi subahat dan seksyen 511 bagi percubaan.

### **Jenis Kecederaan Di Bawah PKHJS, 2013**

Kecederaan yang dimaksudkan di bawah bab 167 disenaraikan di dalam bab 168, iaitu: (a) *itlaf-al-udhw*, (b) *itlaf-salahiyat-al-udhw*, (c) *syajjah*, (d) *jurh* dan (e) kecederaan yang lain. Jenis kecederaan yang diperuntukkan di dalam PKHJS, 2013 boleh dikatakan serupa dengan jenis kecederaan bagi jenayah terhadap tubuh badan di bawah hukum syara' yang diuraikan di dalam kitab-kitab fiqh (Wahbah al-Zuhaili, 2005; 'Abd al-Qadir 'Audah, 2005).

Bagi memahami jenis-jenis kecederaan yang disenaraikan di dalam bab 168 PKHJS, 2013, peruntukan ini perlu dirujuk bersama bab 169(2)(i),(ii),(iii) dan (iv) yang memperuntukkan hukuman mengikut jenis kecederaan yang telah disenaraikan di dalam Jadual Kedua, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat, PKHJS, 2013. Jadual-jadual yang dinyatakan ini memperincikan butiran jenis kecederaan dan hukuman yang ditetapkan bagi setiap jenis kecederaan.

#### **Jadual 1: Jenis Kecederaan Pertama Di Dalam PKHJS, 2013**

##### **Bab 168(a) dan 169(2)(i) dengan merujuk Jadual Kedua**

(1) *Itlaf-al-udhw* iaitu putus atau kecederaan mana-mana anggota badan:

<b>Kategori Anggota</b>	<b>Senarai Anggota</b>
i. Kehilangan anggota tunggal	seperti hidung atau lidah
ii. Kehilangan anggota berpasangan	seperti tangan, kaki, mata, bibir, tetek dan telinga
iii. Kehilangan anggota dalam bilangan empat	seperti bulu mata atau kelopak mata
	Jari tangan atau jari kaki
	Sendi jari termasuk sendi ibu jari
	Gigi selain gigi susu

(Sumber: PKHJS, 2013)

Di dalam Jadual Kedua PKHJS, 2013, hanya tiga kategori anggota yang disebutkan secara spesifik, iaitu anggota tunggal, anggota berpasangan dan anggota dalam bilangan empat. Namun, jika diteliti dengan lebih mendalam, jari tangan atau kaki, sendi dan gigi boleh dianggap sebagai satu lagi kategori iaitu anggota dalam bilangan sepuluh atau lebih. Bahkan di dalam kitab *fiqh* sekalipun, anggota tubuh badan dibahagikan mengikut empat kategori (Wahbah al-Zuhaili, 2005).

Selain itu, Jadual Kedua PKHJS, 2013 hanya menyenaraikan sebahagian daripada anggota-anggota badan mengikut kategori bilangan anggota sebagai misalan. Menurut Mat Saad Rahman (1990:189), anggota-anggota badan bagi cedera jenis *itlaf al-udhw* ialah:

1. Anggota tunggal iaitu hidung, lidah, zakar atau hasyafahnya, tulang sulbi (*al-sulb*), saluran air kencing dan najis, kulit, rambut dan janggut;

2. Anggota yang berpasangan dua iaitu tangan, kaki, mata, telinga, bibir, keping mata, buah dada, puting dada, buah zakar, bibir kemaluan perempuan (*faraj*), daging punggung dan tulang rahang;
3. Anggota yang berpasangan empat pada badan iaitu kelopak mata dan bulu mata; dan
4. Anggota yang berpasangan sepuluh pada badan iaitu jari bagi kedua-dua tangan dan kaki.

#### **Jadual 2: Jenis Kecederaan Kedua Di Dalam PKHJS, 2013**

##### **Bab 168(b) dan 169(2)(i) dengan merujuk Jadual Kedua**

(2) *Itlaf-salahiyat-al-udhw* iaitu:

- Kebinasaan atau kelemahan selama-lamanya fungsi atau kegunaan mana-mana anggota badan, atau
- Merosakkan rupa anggota itu selama-lamanya.

(Sumber: PKHJS, 2013)

Jadual Kedua PKHJS, 2013 terpakai bagi dua jenis kecederaan iaitu *itlaf-al-udhw* dan *itlaf-salahiyat-al-udhw*, sebagaimana yang dinyatakan di dalam penetapan hukuman bagi kedua-dua jenis kecederaan ini di bawah bab 169(2)(i). Sungguhpun demikian, jadual ini hanya menyenaraikan anggota-anggota tubuh badan sahaja. Jadual Kedua PKHJS, 2013 tidak menyatakan fungsi spesifik atau manfaat bagi tiap-tiap anggota yang disenaraikan.

Berdasarkan anggota-anggota yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua PKHJS, 2013, dapat dirumuskan bahawa kebinasaan manfaat atau fungsi anggota yang dimaksudkan sebagai *itlaf-salahiyat-al-udhw* antaranya adalah hilang deria bau (hidung), hilang deria rasa (lidah), hilang penglihatan (mata), hilang pendengaran (telinga), hilang kemampuan berjalan (kaki), hilang kemampuan menggenggam (tangan dan jari) dan sebagainya.

Disebabkan ketiadaan huraian mahupun misalan bagi kecederaan jenis *itlaf-salahiyat-al-udhw* di dalam Jadual Kedua PKHJS, 2013, maka hukum syara' perlu dirujuk sebagai panduan sebagaimana kehendak bab 253 PKHJS, 2013.

Jenis kecederaan *itlaf-salahiyat-al-udhw* telah dibahaskan dengan terperinci di dalam kitab-kitab *fiqh*. Selain manfaat atau fungsi anggota tubuh badan yang telah pengkaji rumuskan, kehilangan manfaat atau fungsi anggota tubuh badan yang telah disenaraikan di dalam beberapa kitab-kitab *fiqh* adalah termasuk hilang kemampuan bercakap, hilang kemampuan berfikir, kehilangan kemampuan melakukan hubungan seksual, lumpuh tangan atau kaki, pecah kemaluan atau dara, keguguran rambut, kehilangan kemampuan melahirkan anak, hilang kemampuan mengunyah, kehilangan suara, kehilangan kemampuan berejakulasi, kehilangan kemampuan untuk mengandung dan sebagainya (Wahbah al-Zuhaili, 2005; Mat Saad Rahman, 1990; Najm Abdullah, 2002; Nasr Farid, 2000).

Selain kehilangan fungsi ataupun manfaat mana-mana anggota badan, kerosakan dari sudut rupa anggota itu sendiri secara kekal juga dianggap sebagai cedera *itlaf-salahiyat-al-udhw* di bawah bab 168(b) ini.

### **Jadual 3: Jenis Kecederaan Ketiga Di Dalam PKHJS, 2013**

#### **Bab 168(c) dan 169(2)(ii) dengan merujuk Jadual Ketiga**

(3) *Syajjah* iaitu kecederaan di kepala atau muka yang kecederaan itu tidak termasuk dalam *itlaf-al-udhw* atau *itlaf-salahiyat-al-udhw*.

<b>Jenis Syajjah</b>	<b>Tafsiran</b>
i. <i>Syajjah khafifah</i>	Cedera yang tidak mendedahkan tulang
ii. <i>Syajjah mudhiah</i>	Cedera yang mendedahkan tulang tetapi tidak menyebabkan patah
iii. <i>Syajjah hasyimah</i>	Cedera yang menyebabkan keretakan atau patah tulang tetapi tidak menyebabkan sendi berselisih
iv. <i>Syajjah munaqqilah</i>	Cedera yang menyebabkan retak atau patah tulang dan berselisih sendi
v. <i>Syajjah ma'mumah</i>	Cedera yang melibatkan pecah tempurong kepala tetapi lukanya hanya menyentuh kulit otak tanpa mencarikkannya
vi. <i>Syajjah damighah</i>	Cedera yang menyebabkan pecah tempurong kepala dan mencarikkan kulit otak

(Sumber: PKHJS, 2013)

Menurut ‘Abd al-Qadir ‘Audah (2005), kecederaan *syajjah* adalah kecederaan di bahagian dahi, pipi, pelipis dan dagu. Para ulama’ fiqh mempunyai pendapat yang berbeza berhubung bilangan jenis kecederaan *syajjah*. Ulama’ Mazhab Hanafi menyenaraikan sebelas jenis, manakala para ulama’ yang lainnya menyatakan kecederaan jenis ini hanya ada sepuluh sebagaimana yang dijelaskan oleh Wahbah al-Zuhaili (2005). Namun demikian, hanya enam jenis cedera *syajjah* yang diperuntukkan di dalam PKHJS, 2013 sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Enam jenis kecederaan *syajjah* yang disenaraikan di dalam Jadual Ketiga PKHJS, 2013 disusun mengikut keseriusan bentuk cedera *syajjah*. Ini dapat dilihat dari tafsiran setiap *syajjah* dan hukuman yang diperuntukkan di dalam Jadual Ketiga PKHJS, 2013.

### **Jadual 4: Jenis Kecederaan Keempat Di Dalam PKHJS, 2013**

#### **Bab 168(d) dan 169(2)(iii) & (iv) dengan merujuk Jadual Keempat**

(4) *Jurh* iaitu luka kepada mana-mana anggota badan selain kepala dan muka yang luka itu meninggalkan suatu tanda atau parut sama ada sementara atau kekal.

<b>Jenis Jurh</b>	<b>Tafsiran</b>
1. <i>Jaefah</i>	Luka yang menembusi anggota badan
2. <i>Ghairu jaefah:</i>	Luka yang lain daripada <i>jaefah</i>
i. <i>Damiyah</i>	Carik kulit dan berdarah
ii. <i>Badhi’ah</i>	Luka yang tidak mendedahkan tulang
iii. <i>Mutalahimah</i>	Luka yang sampai ke isi
iv. <i>Mudhiah</i>	Luka yang mendedahkan tulang
v. <i>Hasyimah</i>	Patah tulang yang tidak menselisihkan sendi
vi. <i>Munaqqilah</i>	Patah tulang yang menselisihkan sendi

(Sumber: PKHJS, 2013)

Cedera jenis *jurh* menurut Jadual Keempat dibahagikan kepada *jurh jaefah* dan *jurh ghairu jaefah*. Maksud *jaefah* hanya disebutkan secara umum sebagai luka yang menembusi anggota badan. Para ulama' mentafsirkan *jaefah* sebagai luka yang menembusi tubuh badan sama ada di bahagian dada, perut, pinggang, sisi, punggung, buah zakar, belakang, rusuk atau kerongkong (Wahbah al-Zuhaili, 2005; 'Abd al-Qadir 'Audah, 2005). Luka *ghairu jaefah* pula membawa maksud luka yang tidak sampai ke dalam rongga badan, iaitu luka pada tengkuk, tangan atau kaki (Wahbah al-Zuhaili, 2005).

#### **Jadual 5: Jenis Kecederaan Kelima Di Dalam PKHJS, 2013**

##### **Bab 168(e)**

###### **(5) Kecederaan yang lain**

(Sumber: PKHJS, 2013)

Bagi kecederaan yang lain yang dinyatakan di dalam ceraian (e) bab 168, jenis kecederaan ini bersifat umum dan tidak spesifik jika dibandingkan dengan empat jenis kecederaan di dalam ceraian (a), (b), (c) atau (d). Di dalam PKHJS, 2013 sendiri, tiada huriaian ataupun misalan yang diberikan mengenai jenis kecederaan di bawah bab 168(e) ini.

Menurut 'Abd al-Qadir 'Audah (2005), kecederaan di dalam kategori ini adalah seperti tamparan, tumbukan, pukulan dan sebatan. Para ulama' kontemporari pula menganggap kecederaan kategori ini sebagai kecederaan dalam bentuk fizikal meskipun tiada kesan kekal seperti lebam, bengkak, kesakitan atau lainnya (Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Ringkasnya, kecederaan yang dimaksudkan di dalam bab 168(e) ialah kecederaan yang tidak meninggalkan apa-apa kesan, atau jika sekalipun terdapat kesan kecederaan, kecederaan tersebut tidak dapat dianggap sebagai kecederaan *syajjah* atau *jurh*.

#### **Jenis Kecederaan Di Bawah KHJ, P.22**

Di bawah KHJ, P.22, jenis kecederaan diuraikan di bawah seksyen 319 dan 320.

#### **Jadual 6: Jenis Cedera Di Dalam KHJ, P.22**

##### **Seksyen 319**

###### **Cedera: Kesakitan, penyakit dan kelemahan tubuh badan**

(Sumber: KHJ, P.22)

Kecederaan yang dimaksudkan di bawah seksyen 319 tidak terhad kepada kecederaan yang berbentuk fizikal sahaja, bahkan gangguan mental juga dianggap sebagai cedera. Kelemahan tubuh badan membawa maksud ketidakupayaan organ tubuh badan untuk melaksanakan fungsinya yang biasa, yang mungkin bersifat sementara atau kekal (*Anis Beg* AIR 1924 All 215, 217); atau keadaan tubuh badan yang terjejas sementara atau minda yang tidak sihat seperti hysteria atau ketakutan juga dianggap sebagai kelemahan tubuh badan (*Jashanmal v Brahmanand* AIR 1944 Sin 19).

Menurut Kaushik dan Patel (2019), cedera parah ialah suatu kecederaan yang serius, yang tidak boleh sembuh dengan segera dan meninggalkan kecacatan yang bersifat kekal.

**Jadual 7: Jenis Cedera Parah Di Dalam KHJ, P.22**  
**Kecederaan Berkaitan Manfaat Anggota**

**Seksyen 320**

- (a) Hilang tenaga kelakian
- (b) Hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata
- (c) Hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga
- (e) Binasa atau lemah selama-lamanya daya mana-mana anggota atau sendi

(Sumber: KHJ, P.22)

Perenggan (a), (b) dan (c) adalah cedera berkaitan manfaat anggota yang spesifik, manakala Perenggan (e) pula bersifat umum dan terpakai bagi kecederaan manfaat atau fungsi anggota-anggota yang lain dan sendi.

Perenggan (a) jelas merujuk kepada mangsa lelaki sahaja. Ianya tidak terpakai kepada mangsa perempuan memandangkan undang-undang menganggap bahawa perempuan adalah pihak yang pasif dalam hubungan seksual, dan oleh itu persoalan berhubung potensi atau ketidakupayaan seorang perempuan tidak berbangkit (Harish D, Chavali KH, Singh A & Kumar A, 2013). Hilang tenaga kelelakian diertikan sebagai kelemahan tenaga kelelakian atau pengembiran (Siti Zaharah Jamaluddin & Nor Aini Abdullah, 2022), atau kehilangan tenaga maskulin (Atal DK, Naik SK & Das S, 2013).

Perenggan (b) dan (c) pula merujuk kepada kehilangan secara kekal manfaat atau fungsi mata dan telinga, iaitu penglihatan atau pendengaran. Kehilangan selama-lamanya penglihatan (b) ini boleh disebabkan oleh perbuatan mencungkil mata, mencucuk mata, penggunaan bahan kimia dan sebagainya. Menurut Atal DK et al. (2013), kehilangan pendengaran secara kekal (c) pula boleh disebabkan oleh pukulan di bahagian kepala atau telinga, atau dengan pukulan yang mencederakan saraf pendengaran atau dengan mencurahkan sesuatu bahan atau cecair panas ke dalam telinga.

Keseriusan cedera yang dialami oleh mangsa adalah bergantung pada sifat ‘kekal’ cedera tersebut kerana ianya telah meragut manfaat atau penggunaan anggota daripada mangsa (Atal DK et al.,2013). Bahkan kecederaan yang hanya melibatkan kehilangan manfaat secara separa (*partial loss*), namun berkekalan, masih boleh dianggap termasuk sebagai cedera parah di bawah (b) ataupun (c) (Harish D et al, 2013; Atal DK et al.,2013).

Sifat ‘selama-lamanya’ atau ‘kekal’ di dalam peruntukan ini tidak bermaksud bahawa kecederaan ini tidak boleh disembuhkan, sebagai contoh: kehilangan penglihatan yang berlaku akibat kelegapan (*opacity*) kornea hasil daripada kornea yang cedera masih boleh dirawat dengan rawatan *corneoplasty*. Tetapi cedera yang ‘kekal’ itu sendiri merupakan cedera parah dan apa sahaja peluang rawatan tidak mengurangkan keseriusan cedera tersebut (Atal DK et al.,2013).

**Jadual 8: Jenis Cedera Parah Di Dalam KHJ, P.22**  
**Kecederaan Terhadap Anggota Atau Sendi**

**Seksyen 320**

- (d) Hilang mana-mana anggota atau sendi

(Sumber: KHJ, P.22)

Kecederaan perenggan (d) ini bersifat umum kerana ianya tidak melibatkan anggota atau sendi yang spesifik, misalnya kehilangan tangan, kaki atau lainnya (Siti Zaharah Jamaluddin & Nor Aini Abdullah, 2022).

‘Anggota’ di bawah perenggan (d) ini ialah organ ataupun anggota tubuh badan yang membolehkan seseorang melakukan fungsi tertentu atau mana-mana bahagian badan yang mempunyai identiti morfologi dan fungsi yang berasingan seperti mata, telinga, hidung, mulut, tangan, kaki serta kesemua bahagian tubuh manusia mempunyai fungsi yang berbeza (Harish D et al., 2013) dan bahagian tubuh badan yang tidak dapat tumbuh semula (Kaushik dan Patel, 2019). Selain menyatakan ‘anggota’, perenggan (d) turut menyebutkan sendi. Menurut Harish D et al. (2013), sendi merujuk kepada tempat bercantumnya dua atau lebih tulang atau otot.

**Jadual 9: Jenis Cedera Parah Di Dalam KHJ, P.22**  
**Kecederaan Di Bahagian Muka Atau Kepala**

**Seksyen 320**

(f) Cacat selama-lamanya kepala atau muka

(Sumber: KHJ, P.22)

Kecacatan yang dimaksudkan di dalam perenggan ini bermakna perubahan konfigurasi dan penampilan peribadi mangsa akibat kecederaan luaran tanpa melemahkan mangsa (Atal DK et al., 2013) atau menjelaskan fungsi anggota mangsa (Siti Zaharah Jamaluddin & Nor Aini Abdullah, 2022), sebagai contoh lubang hidung atau telinga yang dipotong, parut di bahagian muka (Harish D et al., 2013), parut kesan terbakar akibat simbahana asid (*Sinniah Pillay* [1992] 4 CLJ 304).

Perenggan (f) mengkhususkan kecacatan yang kekal di bahagian kepala atau muka sahaja yang dianggap sebagai cedera parah. Dalam kata lain, kecacatan pada anggota lain selain kepala atau muka tidak termasuk sebagai cedera parah di bawah perenggan (f) ini.

**Jadual 10: Jenis Cedera Parah Di Dalam KHJ, P.22**  
**Patah Tulang Atau Gigi**

**Seksyen 320**

(g) Patah atau selisih tulang atau gigi

(Sumber: KHJ)

Perenggan (g) ini hanya terpakai bagi cedera yang melibatkan tulang dan gigi sahaja. Kecederaan patah atau selisih tulang atau gigi di bawah perenggan ini meskipun tidak menyebabkan ketidakupayaan yang kekal kerana ianya akan bercantum semula atau boleh diperbetulkan tanpa meninggalkan sebarang kesan cedera, kecederaan ini tetap dianggap sebagai salah satu cedera parah kerana mengakibatkan kesakitan, penderitaan atau ketidakupayaan sementara kepada mangsa (Harish D et al., 2013; Atal DK et al., 2013).

**Jadual 11: Jenis Cedera Parah Di Dalam KHJ, P.22**  
**Kecederaan Yang Membahayakan Nyawa**

**Seksyen 320**

(h) Apa-apa cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari

(Sumber: KHJ, P.22)

Kecederaan di bawah perenggan (h) mengandungi tiga tahap kecederaan (Ratanal & Dhirajlal, 2018; Gupta M. et al., 2017), iaitu (i) kecederaan yang sampai ke tahap membahayakan nyawa, (ii) kecederaan yang menyebabkan mangsa menderita kesakitan selama 20 hari, dan (iii) kecederaan yang menyebabkan mangsa tidak dapat menjalankan rutin hariannya yang biasa selama 20 hari.

Atal DK et al. (2013) menyatakan bahawa suatu kecederaan boleh dikatakan membahayakan nyawa jika kecederaan itu sendiri meletakkan nyawa mangsa yang cedera dalam bahaya. Meskipun lazimnya kecederaan yang diakibatkan pada anggota penting tubuh badan seperti kepala, dada, atau perut cenderung membahayakan nyawa, namun Harish D et al. (2013) menjelaskan bahawa kecederaan ini perlu di tahap serius sehingga menyebabkan mangsa bertarung nyawa di antara hidup atau mati untuk dianggap sebagai cedera parah di bawah perenggan (h).

Selain cedera yang membahayakan nyawa, tempoh dua puluh hari merupakan elemen penting khususnya bagi bahagian (ii) dan (iii) di dalam perenggan (h) seperti mana dijelaskan oleh Ratanal & Dhirajlal (2018) dan Gupta M. et al. (2017). Keadaan mangsa ditahan di hospital selama dua puluh hari adalah tidak memadai, bahkan Atal DK et al. (2013) menerangkan bahawa perlu dibuktikan mangsa menderita kesakitan atau tidak dapat melakukan pekerjaan biasanya dalam tempoh tersebut. Pekerjaan biasa yang dimaksudkan di dalam perenggan (h) ialah perbuatan rutin dalam kehidupan seharian seperti makan, mandi, pergi ke tandas dan sebagainya (Atal DK et al., 2013) dan bukannya berkaitan dengan pekerjaan atau profesi seseorang (Gupta M. et al., 2013).

Secara umum, cedera di bawah KHJ, P.22 dibahagikan kepada dua kategori iaitu cedera dan cedera parah. Jika digabungkan dua kategori cedera ini, jenis-jenis cedera yang terdapat di bawah KHJ, P.22 dapat dilihat seperti jadual berikut:

**Jadual 12: Kategori Dan Jenis Kecederaan Menurut KHJ, P.22**

<b>Bil</b>	<b>Jenis kecederaan</b>	<b>Kategori cedera</b>
1.	Hilang tenaga kelakian	Cedera Parah
2.	Hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata	
3.	Hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga	
4.	Hilang mana-mana anggota atau sendi	
5.	Binasa atau lemah selama-lamanya daya mana-mana anggota atau sendi	
6.	Cacat selama-lamanya kepala atau muka	
7.	Patah atau selisih tulang atau gigi	
8.	Apa-apa cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari	
9.	Kesakitan, penyakit dan kelemahan tubuh	Cedera

(Sumber: KHJ, P.22)

### Analisis Perbandingan Jenis Kecederaan

Setelah meneliti jenis kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22, perbandingan di antara kedua-duanya dapat diringkaskan seperti berikut:

#### Kecederaan Yang Melibatkan Kecederaan Fizikal Suatu Anggota

*Itlaf-al-udhw* merangkumi semua anggota tubuh badan sebagaimana yang telah diperincikan di dalam Jadual Kedua PKHJS, 2013. Perenggan (d) di bawah seksyen 320 KHJ, P.22 juga bersifat umum dan merujuk kepada semua anggota atau sendi. Kecederaan di bahagian gigi di bawah perenggan (g) juga sebanding dengan *itlaf-al-udhw* kerana gigi termasuk di dalam senarai Jadual Kedua PKHJS, 2013.

**Jadual 13: Perbandingan Kecederaan Yang Melibatkan Kecederaan Fizikal Anggota.**

<b>PKHJS, 2013</b>	<b>KHJ, P.22</b>
a) <i>itlaf-al-udhw</i>	(d) hilang mana-mana anggota atau sendi; (g) patah atau selisih tulang atau gigi

(Sumber: PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22)

#### Kecederaan Pada Manfaat, Fungsi Atau Daya Anggota Badan

Di bawah PKHJS, 2013, cedera jenis *itlaf-salahiyat-al-udhw* terpakai bagi manfaat atau fungsi semua anggota badan. Secara perbandingannya, KHJ, P.22 memperuntukkan kecederaan berkaitan manfaat anggota secara umum dan spesifik. Perenggan (a), (b) dan (c) merupakan kecederaan kekal terhadap manfaat anggota yang spesifik, manakala perenggan (e) bersifat umum kerana merangkumi kebinasaan kekal manfaat mana-mana anggota mahupun sendi.

Meskipun demikian, PKHJS, 2013 juga menetapkan cedera yang melibatkan kerosakan rupa anggota itu secara kekal sebagai *itlaf-salahiyat-al-udhw*. Walau bagaimanapun, cedera yang merosakkan rupa anggota secara kekal ini adalah bagi anggota-anggota badan yang lain selain kepala ataupun muka memandangkan PKHJS, 2013 telah memperuntukkan cedera di bahagian kepala atau muka secara khusus.

Jika dibandingkan dengan KHJ, P.22, hanya cedera berbentuk kecacatan di kepala dan muka sahaja dianggap sebagai cedera parah. Ini bermaksud, kecederaan berbentuk kecacatan pada mana-mana anggota tubuh badan selain kepala dan muka akan dianggap sebagai cedera di bawah seksyen 319 sahaja, kecuali jika kecederaan tersebut adalah cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan mangsa menderita kesakitan selama 20 hari atau yang menyebabkan mangsa tidak dapat menjalankan rutin hariannya yang biasa selama 20 hari.

**Jadual 14: Perbandingan Kecederaan Pada Manfaat, Fungsi Atau Daya Anggota Badan**

<b>PKHJS, 2013</b>	<b>KHJ, P.22</b>
b) <i>itlaf-salahiyat-al-udhw</i>	(a) hilang tenaga kelakian; (b) hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata; (c) hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga; (e) binasa atau lemah selama-lamanya daya mana-mana anggota atau sendi

(Sumber: PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22)

### **Kecederaan Di Bahagian Kepala Atau Muka**

Meskipun kecederaan *syajjah* yang dimaksudkan di dalam PKHJS, 2013 merujuk kepada cedera di bahagian kepala atau muka, hanya *syajjah khafifah* dan *syajjah mudhiah* yang sebanding dengan perenggan (f) di bawah seksyen 320 KHJ, P.22.

Manakala *syajjah hasyimah* dan *syajjah munaqqilah* sebanding dengan perenggan (g) iaitu patah atau selisih tulang. Ini kerana perenggan (g) di bawah seksyen 320 KHJ iaitu patah atau selisih tulang tidak mengkhususkan kedudukan tulang pada mana-mana bahagian tubuh badan.

Begitu juga perenggan (h) di bawah seksyen 320 KHJ, P.22, ianya bersifat umum tanpa mengkhususkan kedudukan cedera di bahagian kepala atau muka. Kecederaan yang membahayakan nyawa, iaitu salah satu cedera di dalam perenggan (h) boleh dianggap sebanding dengan *syajjah ma'mumah* atau *syajjah damighah* memandangkan kecederaan yang melibatkan pecah tempurung kepala adalah kecederaan serius yang boleh mengancam nyawa seseorang.

**Jadual 15: Perbandingan Kecederaan Di Bahagian Kepala Atau Muka**

<b>PKHJS, 2013</b>	<b>KHJ, P.22</b>
c) <i>Syajjah:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Syajjah khafifah</i></li> <li>▪ <i>Syajjah mudhiah</i></li> </ul>	(f) cacat selama-lamanya kepala atau muka
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Syajjah hasyimah</i></li> <li>▪ <i>Syajjah munaqqilah</i></li> </ul>	(g) patah atau selisih tulang atau gigi
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Syajjah ma'mumah</i></li> <li>▪ <i>Syajjah damighah</i></li> </ul>	(h) apa-apa cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari.

(Sumber: PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22)

### **Kecederaan Di Bahagian Anggota Badan Selain Muka Atau Kepala**

Berdasarkan tafsiran *jurh jaefah* di dalam Jadual Keempat PKHJS, 2013, perenggan (h) di bawah seksyen 320 KHJ, P.22 merupakan cedera yang sebanding dengannya, khususnya bahagian pertama perenggan berkenaan iaitu kecederaan yang membahayakan nyawa.

Begitu juga *jurh ghairu jaefah damiyah, badhi'ah, mutalahimah* dan *mudhiah*, kesemuanya boleh dikira sebanding dengan perenggan (h) di bahagian kedua iaitu cedera yang menyebabkan mangsa menderita kesakitan tubuh yang amat sangat. Bahkan ianya boleh termasuk sebagai cedera yang menyebabkan mangsa tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari, bahagian ketiga perenggan (h), tertakluk kepada keseriusan cedera yang diakibatkan.

Manakala cedera *jurh ghairu jaefah hasyimah* dan *munaqqilah* adalah sebanding dengan Perenggan (g) memandangkan kecederaan yang dimaksudkan di dalam peruntukan-peruntukan ini berkait dengan patah atau selisih tulang.

### **Jadual 16: Perbandingan Kecederaan Di Bahagian Anggota Badan Selain Muka Atau Kepala**

<b>PKHJS, 2013</b>		<b>KHJ, P.22</b>
Jurh Jaefah	<i>Damiyah</i>	(h) apa-apa cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari.
	<i>Badhi'ah</i>	
	<i>Mutalahimah</i>	
	<i>Mudhiahah</i>	
	<i>Hasyimah</i>	
	<i>Munaqqilah</i>	(g) patah atau selisih tulang atau gigi

(Sumber: PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22)

### **Kecederaan Yang Lain**

Kecederaan yang dimaksudkan di bawah bab 168(e) PKHJS, 2013 ialah kecederaan yang lain selain empat jenis kecederaan yang disebutkan di dalam ceraian (a), (b), (c) dan (d) bab yang sama. Kecederaan yang lain ini boleh dianggap sebanding dengan kategori cedera umum atau cedera biasa di bawah seksyen 319 KHJ, P.22.

### **Jadual 17: Perbandingan Kecederaan Yang Lain**

<b>PKHJS, 2013</b>	<b>KHJ, P.22</b>
Kecederaan yang lain	Kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh

(Sumber: PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22)

### **Dapatan Dan Ringkasan**

Melalui analisis perbandingan di antara peruntukan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22, ditemukan bahawa jenis kecederaan yang diperuntukkan di bawah kedua-dua undang-undang ini hampir serupa, meskipun PKHJS, 2013 tidak membahagikan jenis kecederaan kepada cedera dan cedera parah sebagaimana di dalam KHJ, P.22. Sungguhpun demikian, kajian ini mendapati bahawa jenis kecederaan yang disenaraikan di bawah PKHJS, 2013 telah diuraikan dengan terperinci mengikut bentuk cedera yang diakibatkan seperti kebinasaan fizikal anggota ataupun kehilangan fungsi anggota, dan kedudukan cedera seperti di bahagian kepala atau muka dan bahagian lainnya.

Berdasarkan analisis perbandingan, didapati bahawa empat jenis kecederaan yang disenaraikan di dalam PKHJS, 2013, iaitu *itlaf-al-udhw*, *itlaf-salahiyat-al-udhw*, *syajjah* dan *jurh* boleh dianggap sebagai cedera parah menurut KHJ, P.22. Manakala kecederaan yang lain selain daripada empat jenis cedera tersebut pula sebanding dengan cedera di bawah seksyen 319, KHJ, P.22. Oleh yang demikian, meskipun jenis-jenis kecederaan di bawah PKHJS, 2013 dan KHJ, P.22 mempunyai persamaan, hukuman yang ditetapkan bagi setiap jenis kecederaan adalah berbeza.

Jenis kecederaan di bawah PKHJS, 2013 berkait rapat dengan hukuman yang diperuntukkan. Ini jelas dilihat melalui bab 168 yang menyebutkan '*bagi tujuan menetapkan hukuman, kecederaan hendaklah dibahagikan...*'. Bahkan berdasarkan Jadual Kedua, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat di dalam PKHJS, 2013, perincian hukuman bagi jenayah menyebabkan kecederaan yang dibuktikan dengan bukti selain *ikrar* tertuduh atau *syahadah* dua orang *syahid*, iaitu penetapan kadar *arsy* dan tempoh penjara adalah mengikut keseriusan cedera itu sendiri dengan mengambil kira anggota yang dicederakan dan bentuk cedera yang diakibatkan.

Perincian serupa tidak ditemukan di dalam KHJ, P.22. Namun, KHJ, P.22 mengambil kira pelbagai keadaan atau cara cedera itu diakibatkan dan menjadikannya sebagai beberapa peruntukan berasingan dengan mengikut kategori kecederaan iaitu cedera atau cedera parah, antaranya seksyen 324 dan 326 iaitu menyebabkan cedera dan cedera parah dengan menggunakan senjata, atau seksyen 327 dan 329 iaitu menyebabkan cedera dan cedera parah dengan tujuan tertentu seperti pemerasan.

Cara, tujuan mahupun sebab perbuatan menyebabkan cedera dilakukan tidak dinyatakan di dalam peruntukan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah PKHJS, 2013. Peruntukan jenayah menyebabkan kecederaan di bawah PKHJS, 2013 memfokuskan kepada hasil perbuatan mencederakan itu sendiri iaitu jenis cedera yang diakibatkan.

### Rujukan

- 'Abd al-Qadir 'Audah. (2005). *al-Tashri' al-Jina'iyy al-Islamiyy Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'iyy*. Jilid 2. Kaherah: Dar al-Turath.
- Asri Puteh. (2003). *Hukum Kanun*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Atal DK, Naik SK, Das S (2013). Hurt & Grievous Hurt in Indian Context. *Journal of Indian Academy of Forensic Medicine*. 35(2), 160-164.
- Azrimah Rahman. (2013). Legal System in Brunei Darussalam after the Signing of the Supplementary Agreement 1905/1906 between Brunei and British. Dalam Rosli Ampal & Salina Jaafar (pngr.). *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III: 100 Tahun Hubungan Brunei-British (1906–2006)* (ms 295-314). Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Barek, A. & Haque, S. M.T. (2013). Medicolegal Aspects of Hurt, Injury and Wound. *Anwer Khan Modern Medical College Journal*, 4(2), 37-41.
- Gupta, M., Kumar, S., Yadav, A., Kumath, M. & Kishore, U. (2017). Grievous Hurt Eighth Clause: Medico-legal Considerations. *Indian Journal of Forensic Medicine and Pathology*, 10(2), 159-163.
- Harish D, Chavali KH, Singh A and Kumar A. (2013). Section 320 IPC – An Appraisal. *Anil Aggrawal's Internet Journal of Forensic Medicine and Toxicology [serial online]*, 14(1), [https://anilaggrawal.com/ij/vol\\_014\\_no\\_001/papers/paper002.html](https://anilaggrawal.com/ij/vol_014_no_001/papers/paper002.html). Diakses pada 10 Mei 2023.
- Kaushik, Y. & Patel, D. (2019). Medico-Legal Aspect of Grievous Hurt – A Review Study, *World Journal of Pharmaceutical and Medical Research*, 5(3), 121-123.
- Koh K.L., Clarkson C.M.V. & Morgan N. A. (1989). *Criminal Law in Singapore and Malaysia: Text and Materials*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Mahmud Saedon. (1996). *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu tinjauan*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masum A., Ahmad MH. & Nafees SMM. (2021). Forensic Examination of Grievous Hurt: A Critical Analysis of Section 320 of the Malaysian Penal Code. *American Journal of Humanities and Social Science*, 14, 7-18.
- Mat Saad Rahman. (1990). *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Shah Alam: Hizbi.
- Najm Abdullah Ibrahim Al-'Isawiyy. (2002). *Al-Jarimah 'ala al-Athraf fi al-Fiqh al-Islami*. Dubai: Dar al-Buhuth li al-Dirasat al-Islamiyyah wa ihya' al-Turath al-Imarat al-Arabiyyah al-Muttahidah.
- Nasr Farid Muhammad Wasil. (2000). *Al-Diyat wa Ahkamiha al-'Amaliyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Mesir: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- Ratanlal & Dhirajlal. (2018) Law of Crimes. 28th Edition. Vol.2 Delhi: Bharat Law House

- Shah MM., Ur Rehman K., Naveed S., Ghafoor HA. (2023). Pakistan Qisas and Diyat Act: a review of hurt laws and suggestions. *Journal of Rehman Medical Institute*, 9(2), 18-21.
- Siti Zaharah Jamaluddin & Nor Aini Abdullah. (2022). *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: MDC Publisher.
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Pampasan Kecederaan Fizikal Akibat Kecuaian Menurut Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Wahbah al-Zuhaili. (2005). Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid VI, terjemahan *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

### Statut

Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22  
Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

### Kes undang-undang

*Anis Beg* AIR 1924 All 215, 217  
*Jashanmal v Brahmanand* AIR 1944 Sin 19  
*Sinniah Pillay* [1992] 4 C